
KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN

Saudara-saudara anggota Ikhwan,

Alhamdulillah kami pihak pimpinan Ikhwan merasa syukur kepada Allah *subhānahu wa Ta'ālā* yang telah mengumiakan kelimpahannya bahawa pada saat menulis ini anggota-anggota Ikhwan telah meningkat ke angka 1500. Dengan ini nyata Ikhwan mendapat perhatian yang penuh dari masyarakat, khususnya kaum Muslimin yang cintakan agamanya. Dengan galakan yang sedemikian dalam masa tidak lama pucuk pimpinan Ikhwan dapat mengadakan gerak-gerak yang zahir dan berfaedah bagi kita bersama. Demikian pula kita menyatakan bahawa insha' Allah pada bulan Rabi'ul Awal yang akan diadakan peringatan hari keputeraan junjungan kita Muhammad (SAW) maka kita akan menerbitkan satu makalah yang dibahagikan percuma kepada tiap-tiap anggota Ikhwan. Mereka yang berkehendakkan naskhah-naskhah itu hanya diminta menghantarkan sebanyak sepuluh sen sebagai membayar stemnya. Berdoalah saudara-saudara mudah-mudahan Allah memberi petunjuk dan hidayahnya supaya risalah itu segera kelak akan mengunjungi saudara-saudara.

* * *

Saudara-saudara anggota Ikhwan!

Di dalam kehidupan di Semenanjung Tanah Melayu ini dari semasa kesemasa kita telah melihat dan mengetahui bahawa banyak di antara kita yang tidak lagi tunduk kepada Allah tidak lagi sujud kepada Allah sedang ada di antara kita yang telah bertuhankan kebendaan _ sujud kepada kebendaan dan takut kepada seseorang oleh kerana kebendaan dan seumpamanya. Begitu pula, suatu perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam di dalam masyarakat kita, yang ditiupkan oleh anasir dari golongan kebendaan yang memberi petunjuk atau

memberi anjuran kepada anak-anak kita itu tidak lagi mahu taat dan menghormati kedua-dua ibu bapanya, mereka katakan bahawa ibu bapa mereka itu kolot, menahan daripada kemajuan, menggalang tiap-tiap gerak yang dicita-citakan olehnya. Kerana itu kita melihat berapa banyak cerca dan cela dihadapkan kepada kedua ibu bapa itu.

Adakah itu sesuai dengan ajaran Islam?

Adakah Islam menganjurkan perbuatan itu? Jawab kepada pertanyaan-pertanyaan ini akan dapat nanati anggota Ikhwan menatap di bawah ini dan sebelumnya patutlah diperingatkan bahawa ada di sekeliling kita yang bergerak dan bekerja kononnya untuk memperbaiki kedudukan agama tetapi mereka selenggarakan apa-apa yang berkenaan dengan agama itu mereka sesuaikan dengan perasaan dan fikiran mereka. Fikiran bebas, kata mereka. Tetapi mereka lupa bahawa orang-orang Islam itu tidak menjadi umat yang merdeka. Mereka ialah umat yang tunduk dan tertakluk kepada undang-undang yang diadakan oleh Tuhan (al-Quran) dan petunjuk-petunjuk yang diberi oleh junjungan kita Muhammad (SAW) hambaNya dan Rasul-Nya. Kalau junjungan kita itu sendiri hamba, kita juga hamba Allah yang mesti tunduk kepada peraturan-peraturan yang ditentukan oleh al-Quran dan hadis yang ditinggalkan oleh junjungan kita Muhammad (SAW) supaya diikuti dan diturut.

Kita, yang mengaku tidak ada Tuhan yang disembah melainkan Allah tidak akan menundukkan kepala kepada sesiapa pun, tidak akan gentar kepada sesiapa pun, tidak akan menyembah kepada sesiapa pun, tidak akan minta kepada sesiapa pun selain kepadanya, dan apabila telah berkeyakinan dengan yang demikian maka mestilah kita taat kepada apa yang telah diperintahkan dan salah satu daripada perintah-Nya yang besar yang patut menjadi peringatan kita ialah firman-Nya:

*“wa qaḍā rabbuka al-lāta ’budū illā iyyāhu bilwālidaini
ihsānā, immā yablughanna ’indakal kibari aḥadihumā aw kilāhumā
falā taqullahumā uffin wa lā tanhar humā wa qullahumā qawlan karīma”*

Ertinya: “Tuhan kamu telah wajibkan, bahawa tidak boleh kamu menyembah melainkan Dia, (Ia wajibkan kamu) berbuat baik kepada ibu bapa kamu. Kalau salah seorang daripada mereka itu atau keduanya telah tua, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (perkataan yang menunjukkan kebencian seperti) : “ah” dan janganlah engkau hadapkan kepada mereka itu perkataan yang kasar, tetapi hendaklah engkau berkata kepada mereka itu perkataan yang mulia”

Firman-Nya lagi:

*“wakhfiḍ lahumā junāḥallazi min rahmati wa qul rabbir
hamhumā kamā rabbayānī ṣaghīrā.”*

Ertinya: “Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada mereka (ibu bapa) dengan kasih sayang, dan doakanlah dengan berkata: Hai Tuhanku rahmatikanlah mereka sebagaimana mereka telah memelihara akan aku semasa kecil.”

Dan firman-Nya lagi:

*“Rabbukum a ’lamu bimā fī nufūsikum, an takūnū
ṣāliḥīna fa innahu kāna lil awwabīna ghaḥūrā.”*

Ertinya: “Tuhan kamu amat mengetahui akan apa yang terkandung di dalam hati kamu, jikalau kamu (bertujuan) baik maka sesungguhnya adalah ia mengampuni bagi orang-orang yang ruju’ (bertaubat) kepadanya.”

Dan firman-Nya lagi:

*Wa āti zalqurbā ḥaqqahu wal miskīna wabnissabīl
wa lā tabziru tabzīrā.*

Ertinya: “Dan berikanlah olehmu kepada kaum kerabat akan haknya (perhubungan silaturrahim dan menolong bantu mereka) dan (berikanlah juga hak) orang miskin dan Ibnu Sabil, dan janganlah kamu berlaku

membazir.”

Dan firman-Nya lagi:

*“Innal mubazzirīna kānū ikhwānu al-shayāṭīna wa kāna
al-shayāṭānu lirabbīhi kafūrā”.*

Ertinya: “Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah mereka saudara bagi syaitan-syaitan, dan syaitan itu adalah berlaku kufur kepada Tuhannya”

Beberapa ayat yang kita cantumkan untuk perhatian saudara-saudara Ikhwan ialah daripada surah al-Isra` ayat 23,24,25,26, dan 27 tiap-tiap perkara di dalam ayat ini insha` Allah akan kita kupas satu persatu bagi perhatian saudara-saudara anggota Ikhwan mudah mudahan saudara nanti akan teguh keyakinan dan kepercayaan kepada Allah, akan bertawakal kepadanya di dalam tiap-tiap kerja dan apabila telah menjadi tata tertib dan keyakinan maka insha` Allah saudara-saudara tentu akan bersedia untuk menjadi tentera Allah, menjadi orang-orang yang berjihad pada jalan Allah untuk menegakkan kalimah Allah di mana ia berada.

Di dalam ayat 23 surah al-Isra` bagaimana maknanya yang tersebut di atas (baca dan ulang balik tafsir ayat itu) maka kita mustahak mengetahui kewajiban-kewajiban kita dan tiap-tiap kewajiban itu hendaklah dikerjakan dengan sebetul-betulnya dan apabila manusia telah menjalankan dengan betul dan jujur nescaya akan menjadi aman damai dan sejahtera. Tidak ada tipu daya, kecoh mengecoh, putar belit, dan aniaya menganiaya, tindas menindas, tuduh menuduh, dan melakukan perbuatan-perbuatan keji, cemar, hina yang tidak patut diperbuat oleh manusia bahkan mereka tidak akan melakukan satu perbuatan: pada hari ini tunduk kepada Allah kemudian pada esoknya melakukan perbuatan ‘āṣī, berzina minum arak dan seumpamanya. Mereka akan menahan segala perasaan hawa nafsunya dan akan menahan dirinya daripada melakukan kejahatan-kejahatan yang dibawa oleh hawa nafsunya.

Mereka tidak akan mengutamakan fikirannya, perasaannya dan kemahuannya lebih daripada agamanya. Sebab itulah kewajipan manusia itu, saudara-saudara Ikhwan, adalah sangat besar dan apabila ia melalaikan dirinya daripada kewajipannya maka tak dapat tiada akan hilang keberkatan hidupnya. Hidupnya akan menjadi hanya sebagai sampah, tidak mendapat kesenangan, tidak mendapat kelapangan, baik dalam jasmani atau di dalam rohaninya.

Dan kebetulan pula telah berputar dalam lingkungan kita bahawa manusia bersifat tamak, haloba dan sebagainya. Mereka tidak merasa puas dengan apa yang didapat olehnya dan tidak memikirkan kelemahan atau kedudukan orang lain. Mereka mengumpulkan harta bertimbun-timbun dan melupakan pula bahawa di sekelilingnya ada manusia yang mati kelaparan. Semakin timbul sifat-sifat yang serupa ini maka semakin hebat pula berlaku kebuasan dan kekejaman dan sifat-sifat yang tidak akan berpuas hati dengan apa yang ada pada dirinya atau yang didapat oleh kerana itu dari sedikit ke sedikit hilanglah perasaan sayang menyayangi di antara satu dengan lain.

Dengan sebab itulah mengetahui kewajipan-kewajipan bagi diri kita, saudara-saudara Ikhwan, adalah satu perkara yang sangat penting, satu perkara yang tidak dapat diabaikan begitu sahaja. Sangat rugi bagi manusia yang tidak mengetahui kewajipan dirinya, kewajipan hidup di dunia dan lebih rugi pula manusia yang mengetahui kewajipannya tetapi tidak mengerjakan kewajipan itu dengan semestinya.

Untuk tujuan yang demikian itulah kami cantumkan tiga ayat yang tersebut diatas mudah mudahan ayat-ayat itu dapat kelak saudara-saudara mengetahui dan menjalanjannya bagi diri masing-masing, kemudian menyebarkannya kepada ahli rumah, kepada jiran-jiran, kepada ahli-ahli qariah atau kampung dan seterusnya. Di dalam ayat-ayat yang tersebut yang pertama adalah

menunjukkan kewajipan kita kepada Allah *subhānahu wa Ta'ālā*, yang kedua kewajipan kita terhadap sesama manusia dan yang ketiga kewajipan kita terhadap diri sendiri.

Kewajipan pertama: Kewajipan itu ialah kewajipan kita kepada Allah *subhānahu wa Ta'ālā* yang terkandung di dalam ayat: “*wa qadā rabbuka al-lāta 'budū illā iyyāhu*” Tuhanmu telah mewajibkan bahawa tidak boleh kamu menyembah selain kepadaNya.”

Di sini dengan terang dinyatakan bahawa bagi tiap-tiap orang Islam yang telah mengakui al-Quran itu menjadi pokok agamanya dan bagi manusia yang menggelarkan dirinya Muslimin maka wajiblah baginya beribadat semata mata kepada Allah dengan meninggalkan penyembahan-penyembahan yang lain selain kepadanya. Memang sepatutnya, kalau kita diperintahkan menyembah Allah kerana ialah Tuhan yang telah menjadikan kita, yang telah menghidupkan kita, yang telah mengatur kehidupan kita. Ia Tuhan yang berkuasa di atas segala makhluknya, sedangkan kuasa dan kerajaanNya itu adalah sangat sempurna. Tidak ada kelemahan dalam kekuasaannya dan tidak ada pula kekurangan dalam kerajaanNya – semuanya sempurna.

Untuk meyakinkan itu saudara-saudara anggota Ikhwan dianjurkan supaya kita melihat langit yang tujuh itu dengan isinya, tunduk ke bawah melihat bumi dan apa yang ada di antara keduanya dan segala kejadian-kejadian di dalamnya yang diciptakan Allah dan berada di dalam kekuasaannya. Berfikirlah saudara sejenak segala kejadian-kejadian itu dengan fikiran yang waras dan sempurna kemudian perhatikan: adakah kekuasaan atau kebolehan akal manusia atau daya upaya makhluk yang boleh berbuat dan menyerupai apa yang telah dijadikanNya itu? Apabila tidak terupaya maka saudara-saudara akan mengetahui bahawa tentulah ada yang menjadikannya dan bagi kita sudah diberi pertunjuk oleh junjungan kita Muhammad (SAW) bahawasanya yang

menjadikan semuanya di dalam semesta alam ini tidaklah lain dari Allah *subhānahu wa Ta'ālā*.

Dialah Raja bagi sekalian raja dan tidak ada seorang pun raja yang dapat mengatasi dan menandingi kerajaannya. Kekuasaannya dan kerajaannya tidak berbanding dengan segala perbandingan dan perumpamaan. Dialah sendiri yang menjadikan alam semesta dengan kudrat dan iradatnya.

Dialah Tuhan yang mengetahui segala sesuatu dan segala sesuatu itu terkandung di dalam ilmunya. Tidak ada yang luput daripada pengetahuannya dan yang ada di atas ke atasnya atau yang ada di bawah ke bawah-bawahnya, atau yang ada di dalam sesuatu yang sedalam-dalamnya. Segala sesuatu itu dengan ilmunya sudah tersiat dengan iradat dan kekuasaannya. Ia mengetahui banyaknya bilangan pasir di tempat sunyi dan mengetahui banyaknya daun-daun pohon, dan mengetahui segala gerak semut yang sehalus-halusnya di lubang batu pada malam yang gelap-gelapnya dan juga mengetahui segala apa yang terkandung di dalam fikirannya. Tidak ada sesuatu yang kecil atau besar, banyak atau sedikit, lebih atau kurang, senang atau susah, sihat atau sakit, melainkan terjadi dengan hikmah kebijaksanaan kudrat dan kekuatannya.

Kalau saudara-saudara telah meyakinkan akan kekuasaannya, pengetahuan dan iradat Tuhan, maka tentu akan terasa, tentu akan tertanam dalam diri ke mana saudara-saudara bergerak, ke mana saudara-saudara berjalan, ke mana saudara-saudara pergi, itu semuanya adalah di dalam pengetahuan Tuhan. Jangan bersangka umpamanya saudara berdua-dua sahaja di tempat sunyi, berempat mata, berpeluk atau bercumbu-cumbuan di dalam satu bilik yang rapat yang tidak diketahui orang tetapi saudara melakukan itu diketahui oleh Allah *subhānahu wa Ta'ālā*. Jangan saudara-saudara mengira saudara meminimum arak di bilik-bilik yang terkunci dan tertutup hanya saudara seorang sahaja di dalamnya _ tidak diketahui orang. Sebenarnya tiap gerak, tiap langkah, tiap perbuatan,

saudara itu dilihat dan diketahui oleh Allah *subhānahu wa Ta'ālā* kerana itu apabila hendak melakukan sesuatu kejahatan camkanlah di hati bahawa ada yang melihat, ada yang memerhati, dan ada yang memandang – tidak akan terlepas daripada yang demikian. Begitu pula sebaliknya apabila saudara berbuat kebaikan meskipun tersembunyi ada yang melihatnya, ada yang memberi penghargaan. Firman Tuhan maksudnya: Katakanlah (olehmu) beramallah kamu insha-Allah Rasul-Nya dan orang-orang Mukmin akan melihat amalanmu. Apa juga amalan, sama ada baik, baiklah padahnya jika jahat, jahatlah padahnya dan yang baik itu akan dilihat oleh Allah, oleh Rasul-Nya dan oleh orang Mu'min – semua amalan saudara akan terbentang dengan nyata dan tidak akan dapat dielakkan lagi.

Perumpamaan yang nyata pada zaman moden ini, ialah tape recorder. Jika kita bercakap dan dibuka suisnya maka apa kata-kata dan kalimah kita itu sudah tentu akan tercatat di sana satu persatu _ sepele pun tidak akan terlepas. Ini *tape recorder* perbuatan manusia. Tamsilkanlah bagaimanakah yang dibuat dan direncanakan oleh Allah untuk mengetahui, untuk melihat segala apa yang telah kita perbuat.

Saudara-saudara anggota Ikhwan, zahir sudah tentang kekuasaan Tuhan itu. Bermacam-macam rahsia alam yang sudah dipecahkan oleh otak manusia yang pintar-pintar tetapi mereka belum dapat menghuraikan soal perjalanan isi dunia ini yang bergerak dan diam dengan bermacam-macam cara itu. Masih banyak lagi keindahan-keindahan dan keajaiban-keajaiban alam yang menunjukkan kebesaran Ilahi tetapi belum didapati oleh manusia akan apa rahsia-rahsianya. Sebab itulah Tuhan selalu memberi tamsil kepada kita. Tamsil itulah akan kami berikan kepada saudara untuk menambahkan keyakinan dan kepercayaan kepada Allah dalam keluaran yang akan datang. * * *